

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 22 November 2024**

## KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### MY LOCAL STATS 2023

**Peratusan capaian isi rumah kepada Internet pada 2023 di Malaysia meningkat kepada 96.4 peratus berbanding 96.0 peratus pada tahun sebelumnya**

**PUTRAJAYA, 22 November 2024** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **My Local Stats 2023** yang merupakan penerbitan siri ketujuh sejak 2017. Penerbitan My Local Stats merangkumi seluruh negara, 13 penerbitan negeri dan tiga penerbitan wilayah persekutuan serta 156 daerah pentadbiran. Penerbitan ini mengintegrasikan statistik sosial dan ekonomi sehingga ke peringkat daerah pentadbiran dari 2021 hingga 2023 yang merupakan input penting untuk pembangunan sosio-ekonomi.

Ketersediaan statistik sehingga peringkat yang terpencil memberi manfaat kepada kerajaan dalam membuat perancangan yang lebih bersasar serta dapat memastikan agihan sumber yang berkesan. Keputusan haruslah dibuat dengan betul serta berdasarkan bukti dan fakta yang menyeluruh dan mencukupi bagi memastikan kelangsungan kesejahteraan rakyat.

Penerbitan ini meliputi 12 bidang sosial dan lapan bidang ekonomi iaitu maklumat asas; penduduk; perumahan; guna tenaga; pendapatan dan perbelanjaan; pendidikan; kesihatan; perkhidmatan kebajikan; keselamatan awam; pelancongan, pengangkutan dan rekreasi; internet dan media sosial; kemudahan asas; keluaran dalam negeri kasar (KDNK); indeks harga pengguna; eksport dan import; pertanian; perlombongan dan pengkuarian; pembuatan; pembinaan dan perkhidmatan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Antara penemuan utama dari segi demografi menunjukkan jumlah **penduduk** Malaysia pada 2023 dianggarkan 33.4 juta dengan 91.1 peratus terdiri daripada Warganegara dan 8.9 peratus Bukan warganegara. Kadar pertumbuhan penduduk tahunan meningkat kepada 2.1 peratus pada 2023 berbanding 0.4 peratus pada 2022. Berdasarkan anggaran penduduk semasa pertengahan tahun 2023, Petaling, Selangor merupakan daerah yang mempunyai jumlah penduduk tertinggi iaitu 2.33 juta diikuti Johor Bahru, Johor (1.76 juta) dan Ulu Langat, Selangor (1.46 juta)".

Peratusan capaian isi rumah kepada **internet** di Malaysia ialah 96.4 peratus pada 2023. Dari segi kemudahan internet di peringkat daerah, 103 daripada 156 daerah pentadbiran di Malaysia mencatatkan peratusan capaian isi rumah kepada internet melebihi 90.0 peratus. Petaling, Selangor dan Seberang Prai Tengah, Pulau Pinang masing-masing mencatatkan peratusan capaian isi rumah kepada internet sebanyak 99.7 peratus, diikuti oleh Bintulu, Sarawak (99.6%).

Dalam sektor **kesihatan**, bilangan personel perubatan kerajaan dan swasta meningkat 0.9 peratus pada 2023 kepada 234,618 orang berbanding 232,577 orang pada 2022. Bilangan doktor meningkat 3.5 peratus pada 2023 mencatatkan 82,227 orang berbanding 79,443 orang pada tahun sebelumnya. Nisbah doktor kepada penduduk di Malaysia bertambah baik pada 2023 iaitu seorang doktor kepada 406 penduduk (1:406) berbanding 2022 (1:412) dan telah mencapai sasaran nisbah 1:425 seperti yang dinyatakan dalam Pelan Strategik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), 2021-2025. Tujuh negeri telah mencapai sasaran iaitu Kelantan (1:400), Perak (1:394), Pulau Pinang (1:386), Melaka (1:368), Negeri Sembilan (1:339), W.P. Kuala Lumpur (1:200) dan W.P. Putrajaya (1:64). Selain itu, bilangan pengamal pergigian berdaftar turut mencatatkan peningkatan sebanyak 6.1 peratus kepada 14,255 orang dalam tempoh yang sama. Sebaliknya, jururawat mencatatkan penurunan sebanyak 1.1 peratus pada 2023.

Terdapat 161 buah hospital di Malaysia yang terdiri daripada 138 hospital di bawah KKM, 11 buah institusi perubatan khas dan 12 buah hospital bukan KKM. Bilangan klinik kerajaan pada 2023 adalah 3,114 buah merangkumi 1,175 klinik kesihatan, 1,716 klinik desa dan 223 klinik komuniti. Klinik kesihatan adalah termasuk klinik kesihatan ibu dan anak. Dari

segi kemudahan kesihatan di peringkat daerah, Gombak, Selangor mencatatkan bilangan hospital tertinggi iaitu enam buah hospital dengan 16 klinik kerajaan. Ini diikuti Kota Kinabalu, Sabah (5 hospital; 17 klinik kerajaan) dan Johor Bahru, Johor (3 hospital; 51 klinik kerajaan).

Penemuan dalam bidang **pendidikan** menunjukkan terdapat 10,231 buah sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan terdiri daripada 7,779 sekolah rendah dan 2,452 sekolah menengah. Bilangan guru sekolah rendah dan sekolah menengah pada 2023 masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 1.1 peratus dan 1.4 peratus kepada 232,693 guru dan 178,619 guru. Sebaliknya bagi murid sekolah rendah, peringkat menengah dan lepasan menengah masing-masing meningkat 0.3 peratus, 0.1 peratus dan 6.4 peratus kepada 2,779,131 murid, 1,986,513 murid dan 71,073 murid. Dari segi kemudahan pendidikan di peringkat daerah, Johor Bahru, Johor mencatatkan bilangan sekolah rendah dan sekolah menengah tertinggi iaitu masing-masing sebanyak 183 sekolah rendah dan 87 sekolah menengah diikuti oleh Petaling, Selangor (148 sekolah rendah dan 77 sekolah menengah).

**Pasaran buruh** Malaysia terus mengukuh pada 2023 berikutan peningkatan berterusan bilangan tenaga buruh, merekodkan kenaikan sebanyak 3.8 peratus kepada 16.37 juta orang (2022: 15.77 juta orang). Momentum positif tersebut disumbangkan oleh lonjakan bilangan penduduk bekerja dan pengurangan bilangan penganggur. Sejajar dengan itu, bilangan penduduk bekerja mencatatkan sejumlah 15.81 juta orang pada tahun 2023, meningkat sebanyak 4.3 peratus berbanding tahun sebelumnya (2022: 15.15 juta orang). Petaling, Selangor mencatatkan **bilangan** penduduk bekerja tertinggi di peringkat daerah sebanyak 1.30 juta, diikuti oleh Johor Bahru, Johor (0.87 juta) dan Hulu Langat, Selangor (0.78 juta). Dari segi situasi pengangguran pada tahun tersebut, kadar pengangguran menurun sebanyak 0.5 mata peratus kepada 3.4 peratus (2022: 3.9%).

Bilangan kumulatif pendaftaran **Orang Kurang Upaya (OKU)** pada 2023 meningkat sebanyak 9.2 peratus kepada 736,607 orang berbanding 674,548 orang pada 2022. Kategori masalah pembelajaran mencatatkan peningkatan tertinggi iaitu 12.0 peratus kepada 265,503 orang daripada 236,972 orang. Kategori fizikal dan masalah pembelajaran merekodkan peratus sumbangan pendaftaran OKU tertinggi pada 2023 iaitu masing-masing 36.0 peratus, diikuti kategori penglihatan (8.7%) dan mental (8.0%).

Selangor merekodkan bilangan kumulatif pendaftaran OKU tertinggi iaitu 123,392 orang, diikuti oleh Johor (84,660 orang) dan Perak (64,081 orang).

Bagi **pengangkutan**, pendaftaran baharu kenderaan bermotor yang direkodkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan pada 2023 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.7 peratus kepada 1.53 juta kenderaan berbanding 1.52 juta pada 2022. Semua jenis kenderaan merekodkan penurunan kecuali kenderaan awam dan motokar mencatatkan peningkatan pendaftaran baharu iaitu masing-masing sebanyak 67.5 peratus dan 11.8 peratus pada 2023. W.P. Kuala Lumpur mencatatkan bilangan pendaftaran baharu kenderaan bermotor tertinggi pada 2023 iaitu 80.8 ribu kenderaan, diikuti Selangor (44.9 ribu kenderaan) dan Johor (39.2 ribu kenderaan).

Statistik **perumahan** menunjukkan stok unit kediaman sedia ada pada 2023 merekodkan peningkatan 2.0 peratus daripada 6.08 juta unit (2022) kepada 6.20 juta unit. Rumah teres merekodkan peratusan tertinggi iaitu 41.3 peratus. Ini diikuti oleh kondominium/ pangapuri (17.2%) dan rumah kos rendah (11.2%). Kesemua jenis unit kediaman mencatatkan peningkatan dan rumah kelompok mencatatkan peningkatan tertinggi iaitu 10.2 peratus kepada 53,548 unit berbanding 48,585 unit pada tahun sebelumnya. Ini diikuti rumah bandar (5.7%) dan kondominium/ pangapuri (3.0%). Di peringkat daerah pula, Petaling, Selangor merekodkan bilangan stok unit kediaman sedia ada tertinggi iaitu 540,270 unit, diikuti oleh Johor Bahru, Johor (488,458 unit) dan Ulu Langat, Selangor (393,282 unit).


**Pelancong domestik** pada 2023 mencatatkan peningkatan 22.3 peratus daripada 65.1 juta (2022) kepada 79.6 juta pelancong. Sabah mencatatkan peningkatan tertinggi bagi negeri dikunjungi pada 2023 iaitu 51.1 peratus kepada 5.8 juta daripada 3.8 juta pada 2022. Ini diikuti W.P. Labuan (47.0%), Johor (42.7) dan W.P. Putrajaya (36.2%). Johor mencatatkan peratus sumbangan tertinggi negeri dikunjungi pada 2023 iaitu sebanyak 11.2 peratus dan diikuti Pahang (10.7%) dan Selangor (10.6%).

My Local Stats 2023 boleh dimuat turun secara percuma di portal Jabatan Perangkaan Malaysia [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my). Penerbitan ini juga boleh diakses melalui *mobile apps* dan aplikasi web mulai Januari 2025.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

**Carta 1: Penduduk: 10 daerah pentadbiran tertinggi, Malaysia, 2023**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Nota:

Data adalah merujuk kepada data anggaran penduduk semasa pertengahan tahun berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

**Carta 2: Bilangan hospital dan klinik: 10 daerah pentadbiran tertinggi, Malaysia, 2023**




Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Nota:

- Hospital termasuk hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), institusi perubatan khas dan hospital bukan KKM
- Klinik merujuk kepada klinik kerajaan

**Carta 3: Bilangan sekolah rendah: 10 daerah pentadbiran tertinggi, Malaysia, 2023**




Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

Nota:

Merujuk kepada sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan

**Carta 4: Bilangan sekolah menengah: 10 daerah pentadbiran tertinggi, Malaysia, 2023**




Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

Nota:

Merujuk kepada sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan

**Carta 5: Bilangan pendaftaran baharu kenderaan bermotor: 10 negeri tertinggi, Malaysia, 2023**



Sumber: Jabatan Pengangkutan Jalan

Dikeluarkan oleh:

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**22 NOVEMBER 2024**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 22<sup>nd</sup> November 2024**

# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## MY LOCAL STATS 2023

---

***The percentage of household access to Internet in 2023 at Malaysia increased to 96.4 per cent as compared to 96.0 per cent in the previous year***

**PUTRAJAYA, 22<sup>nd</sup> November 2024** – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **My Local Stats 2023**, the seventh series since 2017. My Local Stats publication comprise the whole country, 13 states and three federal territories publications as well as 156 administrative districts. The publications integrate social and economic statistics up to the administrative district level from 2021 to 2023 that are crucial input for socio-economic development.

*The availability of statistics until smallest areas benefits the government in making targeted plans and ensure the effective distribution of resources. Decisions must be made correctly and based on comprehensive and sufficient evidence and facts to ensure the continued well-being of the people.*

*This publication comprises 12 social areas and eight economic areas which are basic information; population; housing; employment; income and expenditure; education; health; welfare services; public safety; tourism, transportation and recreation; internet and social media; basic amenities; gross domestic product (GDP); consumer price index, exports and imports; agriculture; mining and quarrying; manufacturing; construction and services.*

*Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Among the main findings in term of demography showed the total population of Malaysia in 2023 was estimated at 33.4 million which 91.1 per cent comprised Citizens and 8.9 per cent Non-citizens. The annual population growth rate increased to 2.1 per cent in 2023 as compared to 0.4 per cent in 2023. According to mid-year current population estimates 2023, Petaling, Selangor was the district with the highest population at 2.33 million, followed by Johor Bahru, Johor (1.76 million) and Ulu Langat, Selangor (1.46 million)".*

*The percentage of household access to **internet** in Malaysia was 96.4 per cent in 2023. In terms of internet facilities at the district level, 103 out of 156 administrative districts in Malaysia recorded a percentage of household access to the internet exceeding 90.0 per cent. Petaling, Selangor and Seberang Prai Tengah, Pulau Pinang recorded 99.7 per cent of household access to the internet respectively, followed by Bintulu, Sarawak (99.6%).*

*In the **health** sector, the number of medical personnel increased 0.9 per cent in 2023 to 234,618 persons as compared to 232,577 persons in 2022. The number of doctors increased by 3.5 per cent in 2023 to 82,227 persons as compared to 79,443 persons in the previous year. The ratio doctor-to-population in Malaysia improved in 2023 which is one doctor to 406 population (1:406) as compared to 2022 (1:412) and has reached the target ratio of 1:425 as stated in the Ministry of Health Malaysia (MoH) Strategic Plan 2021-2025. Seven states have reached the target, namely Kelantan (1:400), Perak (1:394), Pulau Pinang (1:386), Melaka (1:368), Negeri Sembilan (1:339), W.P. Kuala Lumpur (1:200) and W.P. Putrajaya (1:64). In addition, the number of registered dental practitioners also recorded an increase at 6.1 per cent to 14,255 persons in the same period. In contrast, nurses recorded a decrease of 1.1 per cent in 2023.*

*There were 161 government hospitals in Malaysia in 2023 consisting of 138 hospitals under MoH, 11 special medical institutions and 12 non-MOH hospitals. The number of government clinics in 2023 were 3,114 including 1,175 health clinics, 1,716 rural clinics and 223 community clinics. Health clinics include maternal and child health clinics. In terms of health facilities at the district level, Gombak, Selangor recorded the highest*

*number of hospitals at six hospital with 16 government clinics. This was followed by Kota Kinabalu, Sabah (5 hospital; 17 government clinics) and Johor Bahru, Johor (3 hospital; 51 government clinics).*

*Findings in the **education** field showed that there were 10,231 government and government-aided schools consisting of 7,779 primary schools and 2,452 secondary schools. The number of primary and secondary school teachers in 2023 recorded a decrease of 1.1 per cent and 1.4 per cent respectively to 232,693 teachers and 178,619 teachers. On the other hand, pupils in primary, secondary and post-secondary levels, increased 0.3 per cent, 0.1 per cent and 6.4 per cent respectively to 2,779,131 pupils, 1,986,513 pupils and 71,073 pupils. In terms of educational facilities at the district level, Johor Bahru, Johor recorded the highest number of primary and secondary schools namely 183 primary schools and 87 secondary schools respectively followed by Petaling, Selangor (148 primary schools and 77 secondary schools).*

*Malaysia's **labour market** strengthened further in 2023 due to the continuous increase in the number of labour force, rose by 3.8 per cent to register 16.37 million persons (2022: 15.77 million persons). The positive momentum was contributed by a surge in the number of employed persons and a further reduction in the number of unemployed. Thus, the number of employed persons posted a total of 15.81 million persons in 2023, rose by 4.3 per cent as compared to the previous year (2022: 15.15 million persons). Petaling, Selangor recorded the highest number of employed persons at district level which is 1.30 million, followed by Johor Bahru, Johor (0.87 million) and Hulu Langat, Selangor (0.78 million). In terms of unemployment situation during the year, unemployment rate decreased by 0.5 percentage points to 3.4 per cent (2022: 3.9%).*

*The cumulative number of registered **Persons with Disabilities (PWD)** in 2023 increased by 9.2 per cent to 736,607 persons as compared to 674,548 persons in 2022. The learning disability category recorded the highest increase at 12.0 per cent to 265,503 persons from 236,972 persons. The physical and learning disability categories recorded the highest percentage share of registered PWD in 2023 at 36.0 per cent respectively, followed by the visually impaired (8.7%) and mental (8.0%) categories. Selangor recorded the highest cumulative number of registered PWD at 123,392 persons, followed by Johor (84,660 persons) and Perak (64,081 persons).*

As for **transportation**, new registrations of motor vehicles recorded by the Road Transport Department in 2023 showed an increase of 0.7 per cent to 1.53 million vehicles as compared to 1.52 million in 2022. All type of vehicles recorded a decrease except public transport and motorcar recorded an increase in new registrations of 67.5 per cent and 11.8 per cent respectively in 2023. W.P. Kuala Lumpur recorded the highest number of new registrations of motor vehicles in 2023 at 80.8 thousand vehicles, followed by Sabah (44.9 thousand vehicles) and Johor (39.2 thousand vehicles).

**Housing** statistics showed the stock of existing residential units in 2023 recorded an increase of 2.0 per cent from 6.08 million units (2022) to 6.20 million units. Terrace houses recorded the highest percentage at 41.3 per cent. This is followed by condominiums/apartments (17.2%) and low-cost houses (11.2%). All types of residential units recorded an increase and cluster houses recorded the highest increase at 10.2 per cent to 53,548 units as compared to 48,585 units in the previous year. This is followed by townhouses (5.7%) and condominiums/ apartments (3.0%). At the district level, Petaling, Selangor recorded the highest stock of existing residential unit at 540,270 units, followed by Johor Bahru, Johor (488,458 units) and Ulu Langat, Selangor (393,282 units).


**Domestic tourists** in 2023 recorded a 22.3 per cent increase from 65.1 million (2022) to 79.6 million tourists. Sabah recorded the highest increase for the state visited in 2023 which was 51.1 per cent to 5.8 million from 3.8 million in 2022. This was followed by W.P. Labuan (47.0%), Johor (42.7%) and W. P. Kuala Lumpur (36.2%). Johor recorded the highest contribution percentage of states visited in 2023 which was 11.2 per cent followed by Pahang (10.7%) and Selangor (10.6%).

My Local Stats 2023 can be downloaded for free on the Department of Statistics Malaysia portal [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my). This publication will also be accessible through mobile apps and web applications starting January 2025.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on 20<sup>th</sup> October. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75<sup>th</sup> Diamond Jubilee in 2024.*

**Chart 1: Population: Top 10 administrative districts, Malaysia, 2023**




Source: Department of Statistics Malaysia (DOSM)

Note:

The data refers to the mid-year current population estimates based on the Population and Housing Census Malaysia, 2020

**Chart 2: Number of hospitals and clinics: Top 10 administrative districts, Malaysia, 2023**



Source: Ministry of Health Malaysia

Notes:

- Hospital includes hospital under the Ministry of Health Malaysia (MoH), special medical institutions and non-MOH hospitals
- Clinic refers to government clinic

**Chart 3: Number of primary schools: Top 10 administrative districts, Malaysia, 2023**




Note:

Refer to government and government-aided schools

Source: Ministry of Education Malaysia

**Chart 4: Number of secondary schools: Top 10 administrative districts, Malaysia, 2023**




Note:

Refer to government and government-aided schools

Source: Ministry of Education Malaysia

**Chart 5: Number of new registrations of motor vehicles: Top 10 states, Malaysia, 2023**



Source: Road Transport Department

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**22<sup>nd</sup> NOVEMBER 2024**